

**ARTIKEL INI AKAN DIBENTANGKAN DI SEMINAR ANTARABANGSA
PENDIDIKAN ICT BERNUANSAKAN ISLAM, DI ACHEH, INDONESIA**

Tajuk:

**FILEM ISLAM SEBAGAI PRODUK ICT : SATU ANALISIS TENTANG KONSEP
DAN SIKAP IPT DI MALAYSIA**

Abstrak

Genre filem boleh dikatakan sebagai medium terbaru yang boleh digunakan oleh umat Islam bagi tujuan menyebarkan idealism Islam secara efektif. Namun begitu, hal ini semacam kurang diberikan perhatian oleh kalangan sarjana Islam amnya dan warga institusi pendidikan Tinggi Islam khususnya. Sepatutnya, bersesuaian dengan nisbah *agent of change* yang dikaitkan dengan ulamak dan institusi pendidikan tinggi Islam, paradigma negatif seperti ini tidak harus berlaku, kerana kedua-duanya perlu mengamalkan sikap yang lebih proaktif di dalam menangani medium filem ini. Atas dasar ini, kajian ini yang lebih merupakan dapatan awal daripada kajian UMRG RG005/09HNE yang bertajuk Pembangunan Filem Islam di Malaysia, akan cuba mendedahkan sikap warga IPT Islam terpilih di Malaysia tentang konsep filem Islam semasa. Ianya dibahagikan kepada empat bahagian yang utama. *Pertama*, pengenalan tentang teori pilihan yang berkaitan dengan fokus kajian: konsep filem moden dan kedudukan paradigma pemikiran Islam semasa. *Kedua*, metodologi kajian yang pilih. *Ketiga*, Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia dan pengajian perfileman. *Keempat*, analisis terhadap sikap warga IPT Islam terhadap konsep filem Islam. *Kelima*, rumusan dan kesimpulan.

Disediakan oleh,

Dr Abdullah Yusof,
Prof. Madya Dr. Rahimin Affandi Abd. Rahim
Nor Adina Abdul Kadir.
Jabatan sejarah dan Tamadun Islam,
Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,
Lembah Pantai 50603, Kuala Lumpur.
Telepon : 03-79676080/ 6008/013-6720840/012-3192177/.
Email: abdullahyusof61@gmail.com
Email : faqir_ila_rabbih@um.edu.my
Email : nor_adina@yahoo.com

1. Pendahuluan (Apa itu filem Islam?)

Membuat filem merupakan suatu kerja seni yang harus mempunyai unsur mendidik selain menghibur. Justeru itu pembikin filem perlu memikirkan nilai-nilai sosial yang baik untuk dimuatkan dalam filemnya. Sebahagian besar penonton hari ini terdiri dari remaja dan impak filem ke atas mereka tentunya besar¹. Genre filem Islam pula merupakan suatu istilah yang jarang dikaitkan dengan karya seni perfileman baik di Barat mahupun di dunia Islam. Justeru demikian tulisan ini cuba mengemukakan konsep filem Islam sebagai salah satu genre seni dengan memadankan dengan metodologi tertentu yang pernah diaplikasikan dalam karya seni sinematografi. Lazimnya genre filem memasukkan komedi, seram, triler, aksi, animasi, drama dan sebagainya sebagai genre seni. Justeru itu memasukkan genre filem Islam barangkali menimbulkan perdebatan tertentu baik di kalangan karyawan filem mahupun di kalangan sarjana muslim. Memandangkan filem adalah sebuah karya seni maka sudah tentu Islam mempunyai persepsi tertentu mengenainya. Seni dalam konteks Islam mengandungi beberapa ciri sebagai komponen bersepadu yang melengkapinya antara satu sama lain iaitu keindahan, unsur moral, kepelbagaian dalam kesatuan dan hubungan antara agama, etika dan estetika². Beberapa pertanyaan mungkin timbul berkaitan konsep filem Islam iaitu apakah ia :

- BERSENDIKAN ISLAM ?

Apakah karya-karya filem Islam yang dihasilkan mesti sarat dengan imej, simbol dan dialog yang bersendikan dakwah, nahi mungkar dan amar ma`ruf.

- BERMOTIFKAN ISLAM ?

Apakah filem Islam mesti mempunyai motif khusus untuk pelbagai agenda Islam dan umatnya seperti motif ekonomi, politik, pendidikan, kebudayaan dan sebagainya ataupun memasukkan propaganda Islam untuk menarik perhatian masyarakat.

- BERUNSUR ISLAM ?

Apakah filem Islam dalam setiap penampilan mesti wujud unsur Islamik yang jelas seperti penampilan pelakon, aksi, latar visual dan audio, set penggambaran dan sebagainya sehingga yang kontra dengan Islam dibuang sama sekali.

- MENGGARAP ISU ISLAM?

¹ Filem *Catatan si Boy* pada era 1980 an di Indonesia umpamanya telah mengubah trend sehingga remaja membawa tasbih dan sejadah ke mana-mana. Lihat Heru Effendy (2008), *Industri Perfileman Indonesia*, Jakarta: Penerbit Erlangga, hlm. 28.

² Lihat Abdullah Yusof, *Seni Islam*, Siri Pengajian Usuluddin Universiti Malaya, terbitan UMCCed, hlm. 6-7.

Apakah filem Islam itu mesti mengenengahkan isu-isu besar atau kecil berkaitan Islam dan umatnya seperti aqidah, muamalah, kemunduran, penindasan, keganasan dan sebagainya.

- HASIL KARYAWAN ISLAM ?

Apakah filem Islam itu mesti datang dari idea dan karya seniman Islam seperti penulis skrip dan lakon layar, penerbit, pengarah, pemamer dan sebagainya.

- KREW, PELAKON DAN PENONTON ISLAM ?

Apakah penggerak utama penerbitan filem Islam mesti terdiri dari anggota krew, para pelakon dan penonton yang terdiri dari kalangan muslim yang baik dan mempraktikkan Islam sebagai cara hidup.

- MENEPATI SYARIAT ISLAM ?

Apakah filem Islam mesti bersih dari sebarang penampilan yang menonjolkan penyimpangan dari segi hukum syarak, aqidah dan sebagainya baik menerusi aksi, dialog, penampilan pelakon dan lain-lain.

2. Filem dan fungsinya sebagai produk ICT

Aspek audio visual merupakan salah satu komponen dalam produksi multimedia yang termasuk di dalamnya filem. Berdasarkan sejarah, wali songo khasnya Sunan Kalijaga pernah menggunakan medium wayang kulit secara berkesan dengan menerapkan nilai dan falsafah Islam dalam masyarakat kerana di alam Melayu, di mana masyarakatnya bersifat homo festival yang meminati semua bentuk seni, khasnya seni persembahan bagi tujuan hiburan dan pendidikan³. Wayang kulit dijadikan alat dan perlambangan dalam aktiviti dakwah. Ianya berkesan kerana sesuai dengan selera dan citarasa masyarakat tempatan dan mempunyai hubungan erat dengan kosmologi dan budaya mereka⁴.

³ Lihat Rahimin Affandi (2006) "Ulamak dan paradigm Menangani kebudayaan Melayu" dalam (edit) Othman Yatim, *Wacana Budaya*, KL: APMUM, hlm. 55-80.

⁴ Lihat Abdullah Yusof, op.cit. hlm. 29.

Di peringkat kebangsaan, subjek multimedia digubal selaras dengan falsafah pendidikan kebangsaan iaitu berhasrat mewujudkan insan yang seimbang dari segi perkembangan potensinya dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Multimedia pada suatu ketika dahulu bermaksud persembahan filem dan pertunjukkan slaid, namun kini ia digunakan untuk memperihalkan teknologi perkakasan dan perisian yang memaparkan imej dan bunyi yang berupa teks, grafik, foto, animasi dan video manakala bunyi boleh berbentuk suara, muzik dan kesan bunyi⁵. Hari ini teknologi digital pula berkembang pesat dan lebih efisien berbanding teknologi analog⁶. Penghasilan filem juga telah bertukar dari format 35 mm dan 16 mm kepada format HD yang menggunakan resolusi tinggi (HR). Memandangkan banyak manfaat yang boleh diperolehi menerusi teknologi maklumat dan komunikasi pada hari ini, maka sebagai sebuah karya seni kreatif, filem berupaya untuk memainkan fungsinya menerusi metodologi berikut⁷:

- a) Hasil ilham akal budi manusia menerusi pengalaman kreatif sendiri mahupun pengalaman orang lain yang kemudiannya digarap sehinggal menghasilkan filem.
- b) Memaparkan luahan rasa dan manifestasi keindahan yang terbit dari dalam jiwa pengkarya.
- c) Mengenangkan tema dan mesej khusus untuk pengiktibaran ahli masyarakat khususnya yang menonton filem.
- d) Menonjolkan aspek seni keindahan ataupun nilai estetika baik dari segi bentuk mahupun makna yang merupakan anugerah Allah yang tidak ternilai untuk manusia dan isi alam.
- e) Bertindak sebagai neraca atau sumber utama dalam meninjau trend dan mentaliti masyarakat dalam menangani dan mendepani isu-isu semasa dalam masyarakat.

Selain itu filem Islam juga boleh memainkan peranan dalam memupuk idealisme Islam menerusi:

⁵ Lihat Sukatan Bersepadu Sekolah Menengah, Produksi Multimedia, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2002.

⁶ Lihat Mohd Jamil Sulaiman (1999), *Multimedia dan Islam*, Kuala Lumpur, IKIM, hlm. 145-156.

⁷ Lihat Manak Sikana (1996), *Falsafah dan Seni Kreatif Melayu*, Kuala Lumpur, DBP; Shafie Abu Bakar (1995), Takmilah: *Teori Sastera Islam*, KL: DBP, hlm. 51-64; Nor azlin Hamidon (2000) Sikap Islam Terhadap Isu Seni Figurative, dalam *Jurnal Usuluddin*, bil. 12, hlm. 140-170.

- a) Memberi kefahaman kepada ahli masyarakat tentang intipati sebenar ajaran Islam yang berkaitan dengan sifat-sifat terpuji dan sifat tercela, persoalan masyarakat dan ibadat, muamalat, hala haram, amal soleh dan sebagainya⁸.
- b) Memupuk semangat tajdid dalam masyarakat yang merangkumi usaha mencari keredaan Allah, memanfaatkan ilmu dari pelbagai sumber, mencari punca kelemahan umat Islam dan menanganinya berdasarkan garis panduan Din al-Islam⁹.
- c) Menerapkan pendidikan dan memupuk idealism Islam bagi memenuhi keperluan biologi masyarakat, meneruskan kesinambungan zuriat manusia dan memperbaiki kualiti hidup beragama¹⁰.
- d) Menerapkan budaya ilmu bersepadu menerusi pencarian ilmu secara berterusan, menghargai semua bentuk ilmu baik ilmu fardu ain mahupun fardu kifayah dan sebagainya, terlibat dalam proses pengembangan ilmu, menghormati pandangan para sarjana dari pelbagai era yang berneracakan sumber wahyu serta mengamalkan semua ilmu yang benar secara bersepadu.

3. Jenis dan Genre filem sebagai komponen ICT

Terdapat beberapa jenis atau genre filem yang dihasilkan baik di Barat mahupun di dunia Islam. Konsep filem Islam tidak hanya terbatas kepada genre tertentu sahaja, kerana penyebaran ajaran Islam sendiri tidak dibatasi oleh masa, ruang, kelompok, bangsa, sempadan geografi dan wilayah tertentu. Justeru itu para pemikir dan penggiat seni yang ingin menjadikan Islam sebagai medium untuk menyampaikan Islam boleh mengambil pelbagai alternatif sesuai dengan ilmu, kreativiti, kemahiran dan keupayaan masing-masing. Secara umumnya karya filem dibahagikan kepada dua iaitu filem fiksyen dan non-fiksyen. Berikutnya itu, antara genre filem yang diminati pada hari ini ialah seperti:

- a) Filem Cereka atau fiksyen

⁸ Lihat Abuddin Nata (2000), *Metodologi Studi Islam*, Jakarta: PT RajaGrafindo Persada, hlm. 40-41.

⁹ Lihat Hassan Saab (1963) "The Spirit of Reform in Islam", dalam *Islamic Studies*, v. 2, 1963, hlm. 15 & 18; Muhammad Iqbal, (1982), *Reconstruction of Religious Thought in Islam*, Lahore, hlm. 167-168.

¹⁰ Mengenai idealism Islam, lihat Majid Ersan Kailani (1997), *Mendidik Peribadi*, terj. Muhammad Firdausm KL: Berita Publishing, hlm 48-49.

Filem ini memaparkan karya yang berdasarkan hasil rekaan atau imaginasi penulis cerita semata-mata yang tidak perlu bergantung pada fakta, data, logik dan sebagainya. Ia boleh tampil dalam bentuk drama masyarakat, kisah cinta, pergolakan rumahtangga, konflik perniagaan, permusuhan. Ia juga boleh dihasilkan dalam format kartun, animasi dan sebagainya. Sebagai karya yang bertujuan menghibur, baik menerusi komedi, triler, aksi, horror, adventure dan sebagainya, para penggiat boleh memasukkan unsur-unsur mendidik agar masyarakat memahami nilai-nilai Islam untuk dipraktikkan dalam masyarakat.

b) Filem Sejarah dan Perang

Genre Filem sejarah dan perang merupakan satu medium memaparkan peristiwa bersejarah dan peperangan yang pernah berlaku dalam tamadun umat manusia. Ia mempunyai pelbagai motif dan agenda bergantung siapa pengkarya dan penerbitnya. Seringkali unsur-unsur propaganda diterapkan dalam filem-filem tersebut baik untuk menonjolkan kehebatan sendiri mahupun merendah-rendahkan keupayaan musuh. Ia juga mengandungi nilai patriotic seperti bertujuan untuk membina semangat mempertahankan Negara, bangsa dan agama. Para seniman Islam boleh memanfaatkan sumber-sumber Islam yang kaya dengan maklumat tentang perjuangan umat Islam dahulu mempertahankan Islam, perjuangan membebaskan diri dari belenggu penjajahan, memerdekakan Negara dan sebagainya. Dalam kitab al-Qur'an sendiri terdapat banyak ayat yang menceritakan aspek sejarah umat terdahulu, kisah nabi-nabi, peperangan, perundingan, perdamaian, etika peperangan dan sebagainya. Semua ini boleh dimanfaatkan oleh para karyawan filem sekiranya mereka mempunyai keinginan untuk berbuat demikian.

c) Genre Filem Dokumentari

Filem dokumentari mempunyai pengaruh yang sangat besar di kalangan penonton dan masyarakat. Pemaparannya melewati batas politik dan sempadan antarabangsa. Pada zaman penjajahan Inggeris, filem dokumentari dijadikan sebagai alat propaganda¹¹. Ia mampu menjadi ensiklopedia ilmu pengetahuan yang bernilai tinggi kerana kekuatan filem dokumentari terletak pada nilai bahan yang dipaparkan. Kunci utamanya terletak pada penyelidikan yang dijalankan kerana sebagai karya non-fiksi ia hanya memaparkan situasi dan kondisi yang sebenar, tepat dengan fakta dan tidak boleh wujud sebarang kesilapan atau tokoh tambah. Karyawan yang ingin memanfaatkan sumber dan maklumat tentang tamadun

¹¹ Heru Effendy, op.cit. hlm 57, menulis bahawa: Propaganda dalam banyak hal sangat dibutuhkan, semisal untuk meningkatkan kesadaran masyarakat akan pentingnya patuh berlalulintas dan pentingnya kesehatan masyarakat.

Islam menerusi filem dokumentari perlu diberi sokongan oleh para sarjana Islam agar pemaparannya selari dengan fakta sebenar dalam sejarah. Termasuk dalam genre dokumentari ialah magazine, travel, dokudrama dan sebagainya. Program terbitan National Geographic dan Discovery merupakan contoh terbaik dalam genre ini. Di peringkat tempatan pula seperti Jejak Rasul terbitan Media Prima.

d) Genre Filem Seni

Filem ini menggunakan elemen seni sebagai subjek utama penerbitan. Ia memaparkan keindahan dan estetika yang tinggi sebagai manifestasi dari kejadian alam ciptaan Allah dan juga hasil karya berdasarkan kreativiti manusia. Motif utama ialah luahan perasaan dan citarasa. Meskipun penghasilan file mini lazimnya bukan untuk hiburan dan komersial, namun ia turut member kesan kepada masyarakat. Seniman Islam boleh memanfaatkan filem seni untuk memaparkan keindahan alam ciptaan Allah demi membangkitkan rasa kesyukuran, keinsafan dan menghargai anugerah Allah serta mengakui kebesaran dan kekuasaan Allah ke atas makhluknya yang lemah.

e) Filem Komersial dan Iklan

Pembikin filem komersial menghasilkan filem sebegini mengikut kehendak pelanggan dari pelbagai kumpulan dan kategori. Tujuan utama ialah menarik perhatian masyarakat terhadap produk atau perkhidmatan yang ditawarkan yang sekaligus menjanjikan keuntungan yang lumayan dari aspek material apabila ianya mendapat permintaan masyarakat.. Dalam pasaran terdapat pelbagai produk dan perkhidmatan baik yang halal mahupun non-halal. Pelbagai muslihat diselitkan dalam filem komersial yang adakalanya menyalahi etika Islam. Islam menggalakkan perniagaan namun mesti sejajar dengan tuntutan syarak, jujur, amanah dan berintegriti. Justeru itu filem komersial dan iklan boleh dimanfaatkan oleh para usahawan Muslim khususnya untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka di pasaran secara jujur dan ikhlas. Termasuk dalam kategori ini ialah filem demo dan filer. Semua ini harus dihasilkan selari dengan ajaran Islam dan uruf masyarakat.

f) Genre Filem TalkShow/ GameShow

Filem-filem ini lazimnya disiarkan menerusi TV dan mempunyai peminat yang ramai di serata dunia. Ia memberi fokus kepada isu-isu tertentu yang bersifat global dan juga bentuk-bentuk permainan baru. Oleh kerana sifatnya sebagai program reality, pasaran filem ini agak besar dan sering pula dulang tayang secara kerap berbanding filem-filem cereka lain. Termasuk dalam kategori ini ialah mengenai personaliti atau selebriti terkenal, tokoh

berpengaruh di dunia, bintang filem dan sukan, penghibur popular, permainan silap mata, sarkas dan sebagainya. Juga program berunsur pendidikan dan motivasi yang didokumentasikan. Karyawan filem boleh mencetuskan idea untuk menghasilkan karya sebegini yang sesuai ditonton oleh masyarakat Islam di seluruh dunia dan juga bukan Islam. Selain menghibur, ia boleh bertujuan mendidik dan menyampaikan nilai Islam secara mudah dan berkesan.

4. IPT di Malaysia yang mengajar subjek berkaitan filem

Di Malaysia terdapat beberapa buah IPTA di bawah Kementerian Pengajian Tinggi yang menawarkan kursus berkaitan Filem. Ini termasuk UiTM, USM, UM dan USIM. Manakala IPTA lain seperti ASWARA menawarkan subjek berkaitan di bawah Fakulti Filem dan Video. IPTS lain ialah seperti LimKokWing University. Antara aspek berkaitan filem yang diajar ialah seperti berikut:

- Seni visual dan audio
- Penulisan skrip
- Lakonan
- Penerbitan
- Pengarahan
- Penyuntingan
- Pengendalian peralatan
- Pengurusan dan pemasaran
- Promosi dan pengiklanan

Komponen kursus yang diajar di beberapa IPT lazimnya hanya memberi penekanan, pendedahan dan pengalaman untuk menghasilkan para penggiat atau graduan dalam bidang seni perfileman. Persoalannya ialah adakah berlaku penerapan elemen Islam dalam pengajaran dan pembelajaran. Dalam modul P & P tiada kerangka Islam dimasukkan atau elemen Islam diterapkan. Membikin filem dikatakan bukan kerja dakwah dan kalau nak berdakwah, jangan menerusi filem tetapi carilah platform lain. Demikian ulasan para penggiat filem dan ahli akademi di IPT apabila diminta pandangan tentang prospek dakwah menerusi

filem. Mereka bagaimanapun bersetuju bahawa unsur dakwah dan nilai Islam masih boleh diterapkan menerusi karya filem. Itu bergantung pada skrip, kehendak penerbit dan penyiar. Kenapa hal ini terjadi?. Beberapa pertanyaan berikut barangkali boleh membuka mata kita:

- a) Berapa buahkah IPTA Islam khasnya fakulti atau jabatan yang menawarkan kursus seni visual dan sinematografi, khasnya berkaitan filem?.
- b) Berapa ramai para penggiat filem di Malaysia yang mempunyai latar belakang agama dan pendidikan Islam yang tinggi?.
- c) Berapa banyak syarikat perfileman yang dimiliki oleh usahawan Muslim yang berkarya untuk tujuan dakwah?
- d) Berapa ramai penulis skrip, lakon layar dan pengarah yang mempunyai latar belakang pendidikan Islam yang baik?.
- e) Berapa buahkah skrip filem yang benar-benar berunsur Islam pernah diterbitkan ?
- f) Sejauh manakah penglibatan tokoh-tokoh Islam, sarjana Islam, para ahli akademik dalam bidang pengajian Islam dalam membantu industry perfileman?.
- g) Berapa ramai sarjana pengajian Islam yang turut mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam perfileman?

Selain di IPT terdapat beberapa buah persatuan yang giat menganjurkan kursus tentang perfileman baik penulisan skrip, pengarah, penerbitan, penggunaan peralatan, penyuntingan dan sebagainya. Antaranya ialah **SWAM** iaitu singkatan bagi PERSATUAN PENULIS SKRIN MALAYSIA (Screenwriters Guild of Malaysia) iaitu sebuah persatuan penulis skrip (atau penulis skrin) yang didaftarkan oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia pada tahun 1996 dengan Nombor Pendaftaran 2401/96 (Wilayah Persekutuan). Sejak ditubuhkan SWAM terkenal sebagai persatuan yang aktif mengelolakan kursus dan bengkel penulisan skrip untuk industri filem. SWAM juga aktif mengambil bahagian dalam program yang dianjurkan agensi kerajaan dan badan NGO lain yang ada kaitan dengan pembangunan industri filem.

5. Sikap dan pandangan sarjana Islam terhadap genre filem

Berdasarkan kajian dan pengamatan semasa, sikap para sarjana Islam baik yang berada di IPT mahupun di luar IPT terhadap filem Islam boleh dibahagikan kepada tiga golongan:

- a) Golongan yang anti filem secara melulu dan ekstrem, menganggap semua karya filem adalah agenda Barat yang bertujuan untuk menyebarkan fahaman secular dan menyesatkan masyarakat Islam. Golongan ini meskipun minority masih tidak mahu bertolak ansur dan beranggapan filem samasekali tidak boleh dijadikan sebagai medium dakwah atau penyebaran syiar Islam.
- b) Golongan yang bersikap tidak kisah dan tidak mahu ambil peduli dan adakalanya terpengaruh dengan aliran atau kumpulan yang diceburi baik politik mahupun pertubuhan sosial, aliran pemikiran atau mazhab tertentu.
- c) Golongan yang bersikap selektif dan masih menghargai peranan filem sebagai medium menyebarkan idealisme Islam yang berkesan. Mereka menggunakan pendekatan wasatiyyah iaitu sederhana sesuai dengan sirah para muballigh awal yang datang ke alam Melayu. Sikap sederhana ini ternyata sesuai dengan pandangan Dr. Yusof Qardawi. Antara para penggiat filem di Malaysia yang menggunakan pendekatan ini ialah Erma Fatima, Ogy Ahmad Daud dan terbaru Rasyid Sibir. Di Indonesia pula tokoh yang tidak asing seperti Deddy Mizwar dan Hanung adalah antara yang gigih menerbit dan mengarah filem-filem bertemakan Islam.

6. Sikap IPT Islam terhadap Filem

Hampir kesemua IPT Islam (baik Akademi, Jabatan, Pusat dan Unit) mengambil sikap sambil lewa terhadap kepentingan filem sebagai medium. Walaupun ada yang menyedari kepentingannya namun tiada sebarang langkah susulan dilakukan. Tiada sebarang perancangan, tiada kajian dilakukan dan tiada seoranganpun tokoh akademik yang memimpin IPT Islam masakini bersedia menyokong penawaran subjek berkaitan filem Islam. Di APIUM subjek tentang seni visual khususnya penerbitan filem dan video hanya diajar di bawah kursus Seni Islam. Pelajar perlu menyediakan treatment dan melalui proses pitching terlebih dahulu dan kemudiannya dikehendaki menerbitkan filem cereka atau dokumentari bertemakan Islam dalam format DVD. Ia merupakan sebahagian tugas (assignment) yang wajib bagi pelajar yang mengambil kursus tersebut¹².

¹² Pembentang merupakan pensyarah kursus berkenaan. Pernah mengikuti kursus dan latihan di Jabatan Filem, Video dan TV, ASWARA dalam bidang penerbitan filem (Dokumentari).

Di UiTM pula, kursus berkaitan filem diajar di Fakulti Artistik dan Teknologi Kreatif yang menawarkan kursus CT1223 – Bachelor in Creative Technology (Screen) Hons. Bidang ini juga ditawarkan di peringkat Sarjana dan PhD¹³.

Di Akademi Seni dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) terdapat Fakulti Filem dan Video yang menawarkan kursus di peringkat Diploma dan Ijazah dalam bidang perfileman. Kursus-kursus dikendalikan oleh ahli akademik yang berkelayakan termasuk para penggiat perfileman tanahair yang berpengalaman. Kemudahan dan peralatan produksi yang terdapat di sini adalah terbaik dan terkini. Namun demikian aspek Islam tidak disentuh secara khusus dalam mana-mana subjek berkaitan¹⁴.

Kajian setakat ini menunjukkan bahawa belum ada IPT Islam yang menawarkan kursus seni filem atau sinematografi secara teori dan praktikal secara lengkap. Kalau adapun hanya USIM yang dilaporkan menawarkan subjek filem secara teori dan praktikal, namun ianya masih terlalu baru dan terpaksa bergantung semata-mata kepada kepakaran teknikal pada staff pesara RTM yang berkhidmat di situ. Mereka walaupun berpengalaman namun, bukanlah ahli akademik bahkan memiliki pengetahuan dan maklumat agama yang terhad. Situasi ini tidak dapat membantu melahirkan graduan bermutu dalam bidang ini.

Oleh hal yang demikian, masih belum ada kupasan idea tentang filem Islam secara lengkap dan mantap. Apa yang ada cuma konsep seni termasuk seni sastera, seni tampak dan persembahan/teater serta perspektif Islam mengenainya. Begitu juga belum ada kerangka penilaian untuk kritikan filem mengikut perspektif Islam yang bersifat holistik, bukannya menggunakan pendekatan menghukum dan menilai sesuatu secara hitam putih, boleh dan tidak, haram dan halal, yang kesemuanya tidak menuju sifat konstruktif membina.

Sebagai IPT Islam, terdapat beberapa mesej yang boleh disampaikan menerusi filem. Mereka harus menyedari bahawa industri perfileman pada hari ini sedang melalui satu era yang amat canggih dan berkesan untuk mempengaruhi penduduk dunia. Kecanggihan teknologi maklumat dan komunikasi ini boleh digunakan untuk menonjolkan Islam sebenar dengan segala kebaikan dan kelebihan tertentu¹⁵. Antara mesej yang boleh diketengahkan menerusi karya filem ialah:

¹³ Rujuk <http://www.UiTM.edu.my/>

¹⁴ Lihat <http://www.aswara.edu.my/>

¹⁵ Lihat bagaimana ini ditonjolkan dalam beberapa buah filem Barat seperti Finding Nemo, Shrek 1 & 2, Madagascar, The Car dan sebagainya.

- a) Penentangan terhadap segala bentuk penindasan dan pencabulan hak asasi manusia kerana ia jelas membawa keburukan dan kesusahan kepada semua¹⁶.
- b) Kepentingan menjaga alam sekitar dengan segala ekosistemnya agar tidak membawa bencana dan malapetaka kepada generasi hari ini dan akan datang¹⁷.
- c) Mencilikkan mata dan minda umat manusia terhadap angkara konspirasi, sifat munafik dan taktik kotor kuasa politik dan ketenteraan Barat terhadap dunia Islam¹⁸.
- d) Peka terhadap isu sains dan teknologi yang sebahagiannya boleh merosakkan umat manusia seperti pengklonan manusia dan penggunaan senjata bio-teknologi¹⁹.
- e) Kepentingan menjaga maruah, bangsa dan institusi kekeluargaan agar tamadun dan peradaban Islam dapat dipertahankan

7. Tema-tema garapan dalam filem Islam semasa di Malaysia

Menerusi karya perfileman di Malaysia, didapati terdapat beberapa elemen positif, antaranya:

- a) Meyedarkan generasi muda tentang jerih perit pengalaman menuntut kemerdekaan dari belunggu penjajah²⁰..
- b) Menyedarkan masyarakat tentang masalah yang melanda masyarakat Malaysia seperti isu lumba haram, dadah, ceti haram, jenayah dan sebagainya dan ianya perlu ditangani dari akar umbi²¹.
- c) Kepentingan menerapkan semangat patriotisme dan pemodenan agar tidak ketinggalan dalam arus selepas merdeka²².

¹⁶ Lihat umpamanya dalam filem *The Killing Field*, *the Interpreter*, *Platon* dan *Schindler's List*.

¹⁷ Lihat filem *On Deadly Ground*.

¹⁸ Seperti ditonjolkan menerusi filem *Airforce One*, *Spy Game*, *True Lies*, *The Loong Kiss Good Night*, *Blackhawk down*, *Syriana* dan *Sums of the all Fears*.

¹⁹ Lihat filem *The Island*, *The Fifth Day* dan *The Outbreak*.

²⁰ Seperti digarap dalam filem *embun*, *Paloh* dan *Leftenan*.

²¹ Lihat filem *Rempit*, *Castelo*, *Bintang Malam*, *Gangster*, *KL Menjerit* dan *Spehia*.

d) Menonjolkan realiti watak ahli masyarakat yang terpaksa hidup dalam situasi tidak sempurna dan pincang dan mereka perlu didik untuk menerima perubahan²³.

Selain itu terdapat banyak unsur-unsur negatif yang menemui penonton seperti menonjolkan elemen komersial dengan peralatkan artis popular sebagai daya penarik tanpa memasukkan unsur-unsur mendidik, bahkan hidup berpura-pura, seks bebas, terpengaruh gejala sosial dan memperlekehkan budaya Melayu-Islam sebagai kolot.²⁴ Penonjolan sifat eksrem berkaitan Islam dalam banyak adegan filem baik menerusi dialog mahupun aksi.

Bagaimanapun terdapat beberapa contoh filem yang bertemakan Islam yang pernah diterbitkan di Malaysia selepas era P Ramlee seperti Akhirat, Muallaf, Syukur 21 dan lain-lain. Di Indonesia pula antara jodol filem bertemakan Islam dan perjuangan ialah seperti Ayat-Ayat Cinta, Kiamat Sudah Dekat, Nagabonar, Sang Murabbi, Kun Fa Yakuun, Perempuan Bertudung Sorban, Para Pencari Tuhan, Shahadat Cinta dan Ketika Cinta Bertasbih.

8. Penutup

Berdasarkan perbincangan di atas, apakah kita masih mencari-cari makna sebenar filem Islam. Yang dicari itu isikah atau kulitkah. Bukankah kulit dan isi itu harus bercantum dan saling memerlukan. Maka oleh kerana hasil karya manusia bukanlah mutlak sifatnya maka filem juga begitu. Justeru itu niat kita yang baik itu akan mendorong kita menghasilkan filem-filem yang ada jiwa Islam, ruh Islam, semangat Islam dan bersendikan Islam. Niat dan hasrat saja tidak mencukupi bahkan perlu ada ilmu yang betul dan ikhlas dalam berkarya²⁵. Filem sebagai satu satu produk berteraskan ICT boleh menjadi medium untuk tujuan dakwah dan penyebaran ilmu secara berkesan. Elemen Islam boleh diterapkan walau menerusi apa genre filem sekalipun asalkan pengkarya tersebut memiliki kualiti yang tinggi, kreatif dan inovatif.

²² Lihat Abang, Abang 92, Pemburu, Matinya Seorang Patriot, Puteri dan Anak Sarawak.

²³ Senario ini boleh dilihat dalam kebanyakan filem-filem P Ramlee.

²⁴ Lihat filem Sembilu, Sepet dan Gubra.

²⁵ Pengarah filem Indonesia terkenal iaitu Deddy Mizwar dalam satu wawancara bersama beliau pada 22 Jun 2009 lepas di pejabatnya di Jakarta menegaskan bahawa kerja membikin filem mesti ada keikhlasan, apa lagi kalau kerja itu kerana Allah.

Para sarjana di IPT pula harus keluar dari kepompong lama dan membuka jendela ilmu bantu yang baru dalam menangani pelbagai isu dan masalah dalam masyarakat. Filem berkonsepkan Islam boleh dijadikan sandaran ke arah tersebut. Pemimpin IPT dan gedung ilmu pula mesti memiliki kesedaran bahawa Islam itu indah walau di mana ia berada dan keindahan itu jika boleh dikecapi menerusi filem, kenapa dinafikan. Sikap dan kehendak saja tidak mencukupi, tetapi perlu ada keberanian untuk melangkah dengan segala kelengkapan yang diperlukan; mekanisme, prasarana, pakar-pakar, dana yang mencukupi dan bersedia membuka pintu untuk mencapai potensi-potensi yang ada. Meskipun ada sebahagian sarjana Islam yang menolak filem sebagai medium dakwah, namun kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya. Lebarlanlah pemikiran kita agar dapat bersama-sama golongan karyawan dan penggiat filem membantu industri dengan memasukkan Islam sebagai salah satu bahan penting dalam resepi yang dihasilkan.

Antara badan yang berkaitan dengan perfileman di Malaysia ialah FINAS. FILEM NEGARA MALAYSIA, SWAM, FDAM, PPFM dan lain-lain. FINAS merupakan badan utama di Malaysia yang berperanan memajukan industri perfileman tanahair. Terdapat pelbagai aktiviti yang dijalankan di FINAS yang membabitkan semua warga perfileman baik produser, pengarah, krew dan juga masyarakat awam. Berdasarkan maklumat yang diperolehi dari sumber rasmi FINAS, perkembangan filem boleh dilihat berdasarkan statistik²⁶ (LIHAT LAMPIRAN).

²⁶ Lihat <http://www.finas.org.gov/>

LAMPIRAN**a) Data Umum Tayangan Filem di Malaysia (statistic 2004-2009)**

	2004	2005	2006	2007	2008
Penonton (juta)	16.69	25.92	27.87	33.55	43.85
Kutipan Kasar (juta)	RM124.62	RM217.35	RM234.98	RM289.31	380.72
Jumlah Pawagam	59	66	68	76	91
Jumlah Skrin	233	265	287	353	453
Jumlah Kerusi	55,950	61,482	66,822	78,496	92,642

b) Data Filem Malaysia (2007-2008)

FILEM TEMPATAN*	2007	2008	+%
Jumlah Filem	21	25	19%
Kos Produksi (juta)	RM36.42	RM34.51	-5.2%
Kutipan Kasar (juta)	RM29.60	RM43.24	46%
Penontonan (juta)	3.68	5.29	43.7%
Purata Kos Produksi (juta)	RM1.73	RM1.38	-20.2%
Purata Penontonan (juta)	0.175	0.212	21.1%
Purata Harga Tiket	RM8.04	RM8.17	1.6%
Purata Kutipan (juta)	RM1.41	RM1.73	22.7%

* Termasuk filem yang ditayangkan di bawah Skim Wajib Tayang

c) Jumlah Kutipan Kasar Mengikut Bahasa Filem (RM Juta)

Tahun	B. Malaysia	Cina	Tamil	Inggeris	Indonesia	Lain-lain	Jumlah
2003	23.37	13.17	4.31	55.02	0.42	0.45	96.74
2004	27.24	21.76	4.59	66.25	0.10	4.68	124.62
2005	26.71	34.51	15.47	133.38	2.11	5.17	217.35
2006	29.62	39.46	11.00	142.90	1.67	10.33	234.98
2007	30.00	28.37	14.30	201.66	3.98	11.00	289.31
2008	43.93	37.86	17.14	265.08	3.65	13.06	380.72

d) Jumlah Kutipan Kasar Mengikut Negeri (RM Juta)

NEGERI TAHUN	2003	2004	2005	2006	2007	2008
JOHOR	5.70	7.85	21.17	24.29	35.72	50.03
MELAKA	4.45	3.71	5.37	5.39	7.44	8.96
N.SEMBILAN	4.08	1.36	5.26	7.86	9.72	11.10
K.LUMPUR	35.45	50.23	70.04	68.95	82.47	113.12
SELANGOR	32.14	38.42	64.49	75.61	87.79	117.04
PERAK	6.12	4.75	10.19	9.37	11.19	12.64
P.PINANG	1.16	6.50	21.01	21.88	28.17	36.14
KEDAH	1.25	2.77	3.52	2.80	3.86	4.28
PERLIS	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
TERENGGANU	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
KELANTAN	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
PAHANG	3.13	6.79	7.42	7.76	8.79	9.78
SARAWAK	0.23	0.10	3.75	3.95	4.64	5.27
SABAH	3.03	2.14	5.13	7.12	9.52	12.36
JUMLAH	96.74	124.62	217.35	234.98	289.31	380.72

e) Kos Pengeluaran Filem Berdasarkan Sijil Perakuan Penggambaran Filem: 2004-2008

KATEGORI / TAHUN	2004	2005	2006	2007	2008
Cereka Pawagam	37.90	37.18	39.93	45.22	44.31
Cereka VCD	2.17	0.38	0.83	0.53	0.64
Cereka TV	11.20	7.80	7.48	11.83	14.45
Drama TV	37.02	40.21	45.35	54.72	69.98
Muzikal	8.79	16.52	16.33	6.96	4.50
Dokumentari	18.91	13.60	21.57	17.26	9.99
Pendidikan & Lain-lain	8.26	12.82	25.46	9.02	12.05
Animasi	0.00	0.00	0.00	0.57	11.71
JUMLAH (RM Juta)	124.25	128.51	156.95	146.11	167.73

f) Bilangan Penerbitan Mengikut Kategori : 2003-2007

KATEGORI / TAHUN	2004	2005	2006	2007	2008
-------------------------	-------------	-------------	-------------	-------------	-------------

Cereka Pawagam	33	30	38	45	38
Cereka VCD	27	8	13	5	8
Cereka TV	146	90	88	106	124
Drama TV	137	196	160	182	212
Muzikal	45	58	92	43	35
Dokumentari	77	82	109	91	67
Pendidikan & Lain-lain	63	63	115	54	56
Animasi	0	0	0	1	10
JUMLAH	528	527	615	527	550

g) Penerbitan Filem Iklan Buatan Malaysia (MIM) Tahun 2003-2008

TAHUN	BIL. (MIM)	KOS PENERBITAN (RM/juta)	BIL. PENERBIT
2003	1,232	98.19	81
2004	1,401	63.64	89
2005	1,560	101.10	97
2006	1,547	84.52	103
2007	1,677	73.86	114
2008	1,558	96.99	124

h) Pengeluaran Lesen Perfileman oleh Finas (2003-2008)

KATEGORI LESEN / TAHUN	2004	2005	2006	2007	2008
Pengeluaran Filem (PF)	667	707	576	944	836
Pengeluaran Video (PV)	189	85	80	59	59
Pengedaran Filem (DF)	354	387	529	633	551
Pengedaran Video (DV)	4,348	3,739	3,752	3,394	3,400
Pemameran Filem (EF)	235	263	305	432	474
Pemameran Video (EV)	944	785	836	951	1,192
Jumlah	6,737	5,966	6,078	6,413	6,512

k) Pengimportan Filem : 2004-2008

JENIS FILEM*	2004	2005	2006	2007	2008
Cereka	3,754	4,555	3,213	3,228	2,004
Dokumentari	2,424	3,312	1,477	2,262	1,839
Muzikal	714	14	951	1,260	437
Animasi	45	0	155	7	3
Treler	952	816	916	907	726
Sukan	94	116	208	210	247
Iklan	22	487	691	727	700
Komedi	6	0	10	11	2
Promosi	319	359	716	666	400
Realiti TV	0	0	5	0	0
Game Show	0	0	69	0	0
Pendidikan	0	0	6	4	0
Lain-Lain	23	1,849	0	0	0
Jumlah	8,723	11,508	11,508	9,282	6,358
